

# **KITAB TIB: SATU ANALISIS LARAS PERUBATAN**

*Ab. Razak Ab. Karim*

## **Abstrak**

Artikel ini membincangkan laras perubatan masyarakat Melayu yang diamalkan sejak zaman lampau. Dengan berpandukan kitab-kitab Tib, laras perubatan terbukti berlainan daripada laras-laras lain yang ada. Walaupun laras ini telah wujud sejak ratusan tahun yang lalu, ramai anggota masyarakat yang masih tidak menyedari kewujudannya dalam kehidupan kita. Artikel ini juga membincangkan teori Ure dan Ellis, dan teori ini digunakan untuk menganalisis data-data laras ini bagi memudahkan pemahaman pembaca.

## **Abstract**

*This article discussed the traditional Malay medical register that has been practised hundreds of years ago by the Malay society. Based on the Kitab Tib, the Malay medical register is proven different from the other registers. Despite the existence of this register for hundreds of years ago, the community yet did not aware of it. This article also discussed the Ure and Ellis theory that is used in analyzing the data to give the reader a better understanding on the traditional Malay medical register.*

## **PENDAHULUAN**

Bahasa Melayu sejak zaman lampau telah mempunyai sejarah kegembilangan yang agung dan mampu memperkatakan bidang-bidang tertentu. Sejak awal lagi, bahasa Melayu telah memperkatakan pelbagai bidang seperti undang-undang, puisi, hikayat dan sebagainya. Pada masa yang sama, bahasa Melayu yang digunakan terdiri daripada laras yang berlainan yang memperkatakan

bidang-bidang tertentu. Salah satu laras yang wujud ialah laras perubatan yang terdapat dalam kitab-kitab perubatan Melayu atau disebut kitab tib.

Mungkin ramai yang tidak menyedari bahawa penggunaan bahasa dalam kitab-kitab perubatan Melayu mempunyai kelainan yang tersendiri berbanding dengan penggunaan bahasa dalam bidang-bidang lain yang sama dengan zaman bahasa Melayu klasik. Dalam makalah ini akan dibincangkan ciri-ciri laras yang terdapat dalam kitab-kitab tib dengan menerapkan teori Ure dan Ellis (1977) untuk memaparkan bahawa kitab-kitab tib sebenarnya mempunyai ciri-ciri laras yang tersendiri berbanding dengan laras-laras lain.


### Pendekatan Ure dan Ellis

Ramai pengkaji telah mengemukakan pandangan mereka tentang konsep laras. Banyak teori telah dikemukakan tentang kajian laras, tetapi secara umumnya teori-teori tersebut hampir sama, dan yang berbeza hanyalah konsep yang digunakan. Kajian terawal telah dilakukan oleh Malinowsky (1923) dan kemudian diikuti oleh pengkaji-pengkaji lain seperti Halliday (1968), Leech (1968), Chiu (1973), Wallace (1981), Ferguson (1983) dan pengkaji-pengkaji lain.

Dalam pendekatan yang dikemukakan oleh mereka, laras bahasa dilihat sebagai pola-pola penggunaan bahasa berdasarkan situasi. Menurut mereka lagi, kajian laras bahasa perlu berdasarkan dua faktor utama, iaitu faktor keperihalan dan faktor linguistik. Faktor keperihalan pula dibahagikan kepada dua situasi, iaitu situasi persekitaran dan situasi luaran. Situasi persekitaran dipecahkan lagi kepada empat bahagian, iaitu cara penyampaian, hubungan sosial, bahan yang diperkatakan, dan fungsi sosial perlakuan bahasa. Faktor linguistik terbahagi kepada empat komponen, iaitu komponen leksikal, tatabahasa, ketenunan teks dan keindahan teks. Pendekatan yang dikemukakan oleh Ure dan Ellis ini dipermudah seperti rajah di halaman sebelah.

### Ciri-ciri Keperihalan

Menurut Ure dan Ellis, ciri-ciri keperihalan ialah ciri-ciri luaran teks yang turut mempengaruhi sesuatu laras yang dihasilkan oleh anggota masyarakat ataupun seseorang penutur. Menurut mereka, faktor ini juga penting di samping faktor linguistik kerana faktor ini menyumbang kewujudan variasi yang berlainan berdasarkan penutur. Mereka membahagikan ciri-ciri keperihalan kepada situasi luaran dan situasi persekitaran.



### i. Situasi Luaran

Situasi luaran ialah keadaan ataupun faktor luaran yang mempengaruhi sesebuah teks yang dihasilkan oleh masyarakat. Situasi luaran juga berkaitan dengan latar belakang sosial dan budaya sesebuah masyarakat bahasa yang merangkumi struktur sosial dan keseluruhan cara hidup yang menentukan perlakuan anggota masyarakat. Misalnya, untuk mengkaji laras bahasa klasik, perlulah dikaitkan dengan situasi istana dan sastera tradisi lisan masyarakat tersebut.

### ii. Situasi Persekutaran

Situasi persekitaran mencakupi aspek-aspek yang terlibat secara langsung dengan penggunaan bahasa dalam sesuatu laras itu. Aspek-aspek yang mengakibatkan penggunaan bahasa yang berlainan ialah:

- **Cara Penyampaian**

Cara penyampaian ialah bentuk perhubungan yang digunakan seperti bahasa yang bersifat tulisan, bahasa isyarat, bahasa lisan atau sebagainya, pameran yang terlibat dalam sesuatu peristiwa bahasa dan jangka masa yang diambil untuk menggunakan sesuatu bahasa itu.

Bahasa tulisan, misalnya dapat mewujudkan ratusan variasi; antaranya bahasa dalam ucapan, laporan, berita sukan dan sebagainya. Hal ini akan mengaitkan faktor-faktor seperti siapa yang menulis, kepada siapa, tujuan apa dan tentang apa. Latar penulis juga boleh mempengaruhi cara penghasilan sesuatu laras itu.

- **Perhubungan Sosial/Peribadi**

Menurut Ure dan Ellis, terdapat dua aspek yang berkaitan dengan tajuk ini, iaitu yang berasaskan perkaitan peribadi dan yang berasaskan perhubungan yang tidak rasmi. Hubungan yang berkaitan dengan peribadi ialah hubungan antara individu dalam sesebuah masyarakat ataupun anggota keluarga dengan anggota masyarakat yang lain. Aspek ini akan melahirkan pelbagai jenis hubungan peribadi yang bersifat mesra, misalnya antara dua orang sahabat, antara ahli keluarga atau sebagainya. Hubungan peribadi juga boleh bersifat formal, misalnya antara majikan dengan pekerja atau sebagainya. Hubungan yang tidak rasmi ialah antara anggota masyarakat yang tidak bertemu dan bersemuka seperti hubungan antara penulis dengan para pembaca.

- **Bahan yang Diperkatakan**

Sesuatu bahan itu berbeza antara satu sama lain berdasarkan isi yang disampaikan dan menjadi bahan yang diperkatakan oleh masyarakat. Aspek ini meliputi perkara-perkara biasa dalam kehidupan masyarakat sehinggalah bidang-bidang yang lebih khusus ataupun teknikal. Bahan secara tidak langsung ialah sesuatu perkara yang diperkatakan dalam sesuatu teks, misalnya tentang cerpen, sukan, bidang kimia, laporan dan sebagainya. Kesemua bahan ini merupakan isi yang diperkatakan dan menjadi bahan bagi sesuatu teks yang dianalisis.

- **Fungsi Sosial Perlakuan Bahasa**

Dalam bahagian ini, ada dua perkara yang digabungkan, iaitu fungsi sosial dan perlakuan bahasa. Kedua-dua aspek ini perlu difahami kerana saling berkaitan antara satu sama lain. Fungsi sosial ialah sesuatu majlis/upacara yang diadakan oleh anggota masyarakat dan majlis/upacara tersebut diiktiraf oleh semua anggota masyarakat sebagai majlis rasmi dan disahkan oleh mereka. Misalnya dalam masyarakat Melayu sering diadakan majlis perkahwinan, pertunangan, majlis konvokesyen, dan sebagainya, dan anggota masyarakat mengiktiraf majlis tersebut sebagai salah satu daripada fungsi sosial

dalam masyarakat. Perlakuan bahasa pula ialah ujaran yang digunakan dalam sesuatu majlis/upacara dan ujaran ini penting kerana ujaran ini hanya dituturkan dalam majlis tersebut sahaja dan tidak dianggap sah atau diterima sekiranya dituturkan dalam majlis yang lain atau di luar majlis yang diadakan itu.

Apabila kedua-dua aspek ini digabungkan, akan membawa makna yang saling berkaitan antara kedua-duanya. Misalnya majlis perkahwinan ialah fungsi sosial dalam kalangan masyarakat dan dalam majlis tersebut terdapat upacara akad nikah yang dilakukan oleh pengantin lelaki. Dalam majlis akad nikah akan terdapat majlis akad dan nikah yang dituturkan oleh jurunikah dan pengantin lelaki. Ujaran yang digunakan inilah yang dikatakan sebagai lakuan bahasa yang hanya akan dituturkan dalam majlis tersebut sahaja dan tidak dianggap sah sekiranya dilakukan di tempat lain selain majlis tersebut. Oleh yang demikian, dalam setiap situasi sosial terdapat penggunaan bahasa yang berlainan berdasarkan fungsi sosial yang berlaku dalam sesebuah masyarakat itu.

## **Ciri-ciri Linguistik**

Dalam ciri linguistik, terdapat empat aspek yang perlu diberikan perhatian, iaitu aspek kosa kata, aspek ayat, ketenunan dan keindahan. Teks ataupun bahan yang hendak dianalisis akan diteliti dari keempat-empat aspek ciri linguistik tadi. Bagaimanapun, dalam sesetengah teks, tidak terdapat ciri ketiga dan keempat. Berdasarkan ciri inilah sesuatu laras itu akan dikenal pasti sebagai suatu laras yang berlainan dengan laras yang lain dan wujud sebagai laras yang tersendiri. Di bawah ini akan dijelaskan keempat-empat aspek yang diperkatakan di atas tadi.

### **i. Aspek Kosa Kata**

Kosa kata, perbendaharaan kata ataupun leksikal ialah variasi yang sering digunakan oleh para pengkaji. Ketiga-tiga istilah ini mempunyai makna yang sama kerana aspek kosa kata dalam kajian laras bertujuan untuk melihat dan menghuraikan penggunaan kata dalam sesuatu laras. Bahagian ini merangkumi penggunaan istilah, kata-kata khusus, kata kerja, kata pinjaman, dan sebagainya yang digunakan dalam teks yang dianalisis. Sesetengah teks menggunakan istilah teknikal yang banyak manakala teks yang lain pula banyak menggunakan istilah umum ataupun kata-kata khusus. Kelainan ini akan mewujudkan perbezaan

berdasarkan teks yang dianalisis. Pendek kata, aspek kosa kata memberikan tumpuan kepada penggunaan kata yang menjadi ciri utama laras teks yang dianalisis dan menunjukkan sesuatu laras itu mempunyai kata-kata tertentu yang berbeza daripada laras yang lain.

## ii. Aspek Ayat

Dari aspek ayat, penekanannya adalah terhadap jenis-jenis ayat dan binaan ayat yang terdapat dalam teks. Sesetengah teks menggunakan banyak ayat majmuk dan kurang ayat tunggal manakala teks yang lain pula ayat perintah paling dominan dan ayat majmuknya kurang. Dalam binaan ayat pula pelbagai proses berlaku dalam pembentukan ayat seperti proses peleburan, penyusunan semula dan peluasan akan dibincangkan untuk menunjukkan proses tersebut berlaku dalam struktur dalaman ayat sesuatu laras. Oleh itu, dalam aspek ayat, segala perkara yang berkaitan dengan jenis dan binaan ayat akan dibincangkan untuk membuktikan bahawa teks yang dianalisis mempunyai ciri-ciri tertentu dan hanya terdapat dalam teks yang berkenaan sahaja.

## iii. Aspek Ketenunan

Aspek ketenunan berkaitan dengan unsur-unsur tertentu yang digunakan dalam laras yang mewujudkan kesatuan yang utuh atau sebaliknya. Sesetengah teks mempunyai keutuhan yang padu dengan penggunaan pelbagai bentuk bahasa seperti bentuk perulangan, rujukan rentas ataupun sebagainya. Teks yang lain pula kurang utuh kerana unsur-unsur keutuhan tidak dipentingkan oleh penulis teks. Ini akan memperlihatkan ciri sesuatu teks itu sebagai laras yang lain.

## iv. Aspek Keindahan

Aspek keindahan ialah unsur-unsur estetik yang terdapat dalam sesetengah teks. Bukan semua teks mempunyai unsur ini kerana keindahan banyak terdapat dalam teks yang bersifat sastera seperti puisi, cerpen, novel ataupun karya sastera yang lain. Oleh yang demikian, unsur ini hanya khusus kepada teks tertentu yang menjadi ciri penting sesuatu teks tersebut. Dalam aspek ini, banyak perkara yang disentuh seperti unsur estetik dari segi ketepatan kata, unsur perorangan, jalan cerita, dan sebagainya.

Rumusannya, dalam ciri-ciri linguistik, aspek penting yang diberikan tumpuan utama ialah aspek kosa kata dan aspek ayat. Dua lagi aspek, iaitu aspek ketenunan dan keindahan hanyalah aspek

sampingan yang menguatkan ataupun mengukuhkan aspek kosa kata dan aspek ayat dalam sesebuah teks.

## **ANALISIS DATA KITAB TIB**

Dalam bahagian ini akan dibincangkan ciri-ciri laras yang terdapat dalam beberapa buah kitab tib berdasarkan kerangka dan acuan yang telah dibincangkan terdahulu. Berdasarkan pendekatan Ure dan Ellis, sesebuah teks ini perlu dilihat dari aspek ciri-ciri keperihalan dan ciri-ciri linguistik yang terdapat dalam teks tersebut.

### **Ciri-ciri Keperihalan**

Ciri-ciri keperihalan teks ini dapat dilihat dari dua situasi, iaitu situasi luaran dan situasi persekitaran yang ada pada teks tersebut. Kedua-dua situasi ini mempunyai perkaitan dengan masyarakat dan zaman teks ini dihasilkan.

#### **i. Situasi Luaran**

Teks kitab tib atau kitab perubatan dihasilkan sejak zaman lampau, iaitu antara abad ke-17 hingga ke-19 Masihi. Masyarakat yang menghasilkan teks ini merupakan masyarakat yang terbuka kerana ilmu perubatan yang dikuasai oleh golongan bomoh dan pawang ini digunakan untuk mengubati anggota masyarakat yang datang berubat dengan mereka.<sup>1</sup> Pendek kata, ilmu ini walaupun dikuasai oleh golongan tertentu di peringkat awalnya telah tersebar ke seluruh masyarakat dan boleh digunakan oleh sesiapa sahaja yang menghadapi masalah kesihatan ataupun mengalami keuzuran.

Masyarakat yang menghasilkan teks ini ialah masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran Islam kerana dalam teks ini terdapat banyak ayat al-Quran yang digunakan untuk menyembuhkan pelbagai penyakit yang dialami oleh pesakit. Penggunaan al-Quran sebagai sumber perubatan telah lama dilakukan oleh masyarakat Islam di Asia Tenggara yang telah menerima Islam lebih awal dari tarikh kelahiran kitab ini.

---

<sup>1</sup> Bagi masyarakat tertutup pula, segala hasil penulisan hanya menceritakan golongan tertentu sahaja dan masyarakat tidak dipentingkan. Misalnya dalam teks berbentuk hikayat, golongan istana seperti raja dan pembesar mempunyai keistimewaan dan cerita yang dipaparkan adalah tentang golongan mereka sahaja. Jarang-jarang perkara-perkara ataupun cerita-cerita masyarakat bawahan diberikan perhatian.

Teks ini juga masih lagi kuat dengan pengaruh bahasa Arab kerana banyak kata bahasa Arab yang digunakan, sama ada untuk memperkatakan nama bahan ataupun nama penyakit. Penggunaan bahasa Arab dalam teks menunjukkan bahawa masyarakat telah menerima pengaruh Arab kerana pengaruh ini dibawa oleh agama Islam dan telah sebatik dalam kehidupan masyarakat pada waktu teks ini dihasilkan. Di samping itu, unsur-unsur bahasa Sanskrit dan bahasa Tamil masih lagi dikenalpasti dan digunakan dengan meluas, terutama untuk nama bahan dan alat yang digunakan dalam perubatan.

## ii. Situasi Persekutaran

Empat aspek yang berkaitan dengan situasi ini akan dibincangkan di bawah ini. Keempat-empat aspek ini ialah cara penyampaian, hubungan sosial/peribadi, bahan yang diperkatakan dan fungsi sosial perlakuan bahasa.

### • Cara Penyampaian

Ilmu perubatan Melayu asalnya dimiliki oleh orang-orang tertentu yang diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Ilmu ini kemudiannya diwariskan kepada anak-anak lelaki untuk meneruskan usaha merawat pesakit. Pada peringkat awalnya, ilmu ini disampaikan secara lisan dan seseorang bomoh ataupun pawang hanya mengingati khasiat herba-herba atau pokok-pokok tertentu bagi rawatan sesuatu jenis penyakit. Ini merupakan ilmu warisan sesebuah keluarga sahaja dan ahli-ahli bukan keluarga jarang-jarang dapat mewarisi ilmu perubatan Melayu ini.

Apabila kedatangan Islam memperkenalkan sistem tulisan kepada masyarakat secara menyeluruh, seseorang bomoh atau pawang kemudiannya mencatatkan ilmu perubatan yang diperoleh di atas kertas ataupun lembar daun ataupun buluh. Tujuannya adalah agar ilmu tersebut tidak pupus dan boleh dijadikan rujukan apabila perlu. Sesetengah kitab tib ditulis oleh mereka dengan harapan agar ilmu perubatan ini tidak dilupakan oleh generasi terkemudian dan sebagai alternatif kaedah rawatan sesuatu penyakit.

Berdasarkan penjelasan ini, bahan yang digunakan untuk analisis ialah bahan berbentuk tulisan tangan yang ditulis di atas kertas. Teks ini walaupun telah ditulis tetapi sejarah awalnya menunjukkan bahawa ilmu yang terkandung di dalam kitab ini disampaikan secara lisan pada peringkat awal dan kemudiannya dirakamkan dalam bentuk tulisan.

- **Hubungan Sosial/Peribadi**

Hubungan sosial berdasarkan teks ini dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu hubungan antara pesakit dengan bomoh, dan yang keduanya hubungan antara penulis teks dengan pembaca. Dalam masyarakat Melayu tradisional, hubungan antara bomoh ataupun pawang dengan pesakit ialah hubungan yang bukan bersifat peribadi. Ini kerana antara mereka terdapat jurang perbezaan yang jelas kerana bomoh ataupun pawang mempunyai status yang tinggi dalam kalangan masyarakat berbanding dengan pesakit yang datang berjumpa dengan mereka. Oleh itu, sejak awal lagi telah wujud hubungan sosial yang bersifat tidak mesra sehingga teks tersebut ditulis.

Apabila teks ini telah ditulis, hubungan antara penulis teks, iaitu bomoh ataupun pawang dengan pembaca teks adalah bersifat formal. Ini kerana penulis teks tidak mengenali pembaca dan pembaca pula tidak mengenali penulis teks. Oleh itu, timbul hubungan yang tidak mesra kerana kedua-dua pihak tidak saling mengenali.

- **Bahan yang Diperkatakan**

Teks kitab tib ialah teks yang memperkatakan ilmu perubatan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional. Kitab ini menggariskan panduan dan maklumat bahan yang boleh digunakan oleh seseorang untuk merawat pelbagai penyakit yang dialami. Bahan-bahan yang digunakan terdiri daripada pelbagai flora dan fauna yang terdapat di sekitar mereka ataupun di kawasan hutan.

Kitab tib juga menyediakan pelbagai ramuan bagi sesuatu penyakit dan seseorang pesakit boleh memilih mana-mana kaedah yang sesuai dengan mereka berdasarkan keupayaan dan kesanggupan mereka. Rumusannya, kitab tib memperkatakan cara-cara rawatan penyakit, punca penyakit, bahan perubatan dan pantang larang semasa rawatan dilakukan.

- **Fungsi Sosial Perlakuan Bahasa**

Dalam teks kitab tib ini tidak terdapat fungsi sosial perlakuan bahasa kerana penulis kitab ini tidak menunjukkan sebarang bentuk fungsi sosial dalam teks kajian. Walaupun dalam perubatan tradisional masyarakat Melayu, fungsi sosial wujud semasa seseorang bomoh mengubati pesakit, namun keadaan ini tidak dapat digambarkan dalam teks yang dikaji. Dalam rawatan sebenar, fungsi sosial wujud apabila

upacara pengubatan pesakit dilakukan oleh bomoh ataupun pawang. Upacara akan diadakan pada waktu yang telah ditetapkan dan pesakit akan berhadapan dengan bomoh serta disaksikan oleh kaum keluarga yang terdekat dengan pesakit. Walaupun upacara ini serba ringkas, namun diterima oleh anggota masyarakat sebagai salah satu daripada fungsi sosial.

Dalam upacara ini, perlakuan bahasa berlaku apabila bomoh ataupun pawang membacakan mantera ataupun bacaan-bacaan tertentu untuk mengubati pesakit yang berada di hadapannya. Bagaimanapun, dalam teks kajian fungsi sosial dan juga perlakuan bahasa tidak ditemui kerana teks ini hanya menggalurkan cara-cara rawatan penyakit tertentu sahaja.

## Ciri-ciri Linguistik

Dalam ciri-ciri linguistik, empat aspek akan dibincangkan, iaitu aspek kosa kata, ayat, ketenunan dan keindahan teks. Keempat-empat aspek ini akan dibincangkan seperti di bawah ini.

### i. Aspek Kosa Kata

Dalam bahagian ini akan dibincangkan aspek kosa kata yang terdapat dan digunakan dalam teks kitab tib yang dikaji. Aspek kosa kata penting sebagai penentuan jenis laras. Aspek kosa kata yang paling dominan dalam teks ini akan dibincangkan. Yang berikut ialah penanda kosa kata yang terdapat dalam teks yang dikaji:

- Nama bahan
- Nama penyakit
- Penggunaan kata kerja
- Nama sukatan dan timbangan
- Penggunaan wifiq
- Kata-kata khusus

### Nama Bahan

Sebagai sebuah teks perubatan masyarakat Melayu tradisional, kitab ini banyak menyenaraikan nama bahan yang digunakan untuk pelbagai rawatan penyakit. Bahan-bahan tersebut dapat dikategorikan kepada tiga jenis, iaitu bahan-bahan yang berkaitan dengan flora, bahan fauna dan bahan-bahan lain yang bukan fauna dan flora. Bahan-bahan yang terdapat dalam teks ini

merupakan bahan yang penting kerana sebagai kitab perubatan yang diwarisi daripada generasi terdahulu, segala khasiat flora dan fauna termuat dalam kitab ini.

Dalam kitab ini, nama pelbagai flora yang digunakan sebagai bahan rawatan pelbagai penyakit telah dinyatakan oleh penulis teks ini. Nama flora yang digunakan berdasarkan nama-nama setempat, iaitu nama yang digunakan oleh masyarakat tempat teks tersebut dihasilkan. Dalam teks ini, nama flora merangkumi nama sekecil-kecil herba hingga pokok besar yang tumbuh liar di hutan.

Selain nama flora, bahagian tertentu flora yang digunakan sebagai bahan ramuan juga ditemukan dalam kitab ini. Bahagian flora seperti **akar, batang, daun, pucuk, kulit, bunga, putik, buah, getah, isi, biji** dan lain-lain banyak sekali ditemukan dalam teks ini. Sebagai kitab perubatan yang memaparkan pelbagai khasiat flora untuk merawat penyakit, nama flora dan bahagian tertentu flora yang digunakan adalah seperti yang berikut:

### **Nama-nama flora**

- Angsana
- Ati-ati
- Bangun-bangun
- Kara-kara
- Lengkuas cina
- Kemukus
- Remunggai
- Sekentut
- Sumbu dara
- Bunga susun kelapa

### **Bahagian-bahagian flora**

- Buah terung
- Buah nyirih
- Daun sentul
- Daun sirih
- Pucuk haru
- Pucuk peria
- Akar rengkinang
- Akar tuas api-api
- Kulit dedap

- Kulit sentulang
- Bunga kenanga
- Bunga melor
- Getah sena
- Getah sudu-sudu
- Halia padi
- Lengkuas
- Umbi pandan
- Roman padi

Selain nama flora, nama fauna juga digunakan kerana dalam bidang perubatan tradisional masyarakat Melayu, sesetengah fauna ataupun organ tertentu fauna dikatakan mampu mengubati sesetengah penyakit. Penggunaan nama organ fauna ini juga merupakan salah satu daripada penanda ciri laras perubatan masyarakat Melayu lama. Antara fauna dan organ-organ fauna yang digunakan dalam kitab ini adalah seperti yang berikut:

- Ayam
- Ayam hitam
- Lipas
- Angsa
- Kima-kima
- Hempedu landak
- Hempedu ayam hitam
- Hempedu kambing
- Hempedu landak jantan

Selain flora dan organ-organ haiwan, penggunaan bahan-bahan tertentu seperti rempah-ratus, minyak, kapur, beras, dan sebagainya juga menjadi ramuan dalam rawatan. Bahan-bahan tersebut berbentuk cecair ataupun pepejal. Bahan-bahan ini akan dicampurkan dengan pelbagai flora dan sesetengahnya dengan fauna sebagai ramuan yang menyembuhkan pelbagai penyakit. Antara nama bahan tersebut adalah seperti yang berikut:

- Garam jantan
- Minyak sapi
- Gula batu
- Air mawar
- Air madu
- Gadung cina
- Candu

- Jintan hitam
- Kepulaga
- Kesumba
- Minyak jarak merah
- Minyak kapur barus

Nama flora, fauna dan bahan lain yang digunakan ini merupakan salah satu daripada ciri laras aspek kosa katanya. Kata-kata ini banyak ditemukan dalam kitab ini sebagai penanda laras perubatan masyarakat Melayu tradisional.

### **Nama Penyakit**

Selain kata nama bahan ramuan, kitab ini menyenaraikan nama penyakit yang boleh dirawat dengan menggunakan kaedah rawatan tertentu. Nama penyakit yang diberikan dalam kitab ini mencakupi penyakit-penyakit yang dialami oleh golongan wanita, golongan lelaki dan yang umum sifatnya. Nama penyakit yang boleh dirawat akan dinyatakan pada permulaan sesuatu ayat dan nama tersebut berdasarkan kewujudannya dalam masyarakat tempat teks tersebut ditulis. Sesetengah nama penyakit yang digunakan mempunyai persamaan dengan nama penyakit kini dan sebahagian lagi hanya difahami oleh golongan tertentu sahaja.

Dalam teks-teks perubatan, pelbagai penyakit dicatatkan oleh penulis kitab. Sesetengah penyakit tersebut mempunyai beberapa subpenyakit lain yang berpunca daripada penyakit yang sama tetapi dengan tanda-tanda yang berlainan. Nama penyakit yang disenaraikan ini merupakan penyakit dalam yang dialami oleh pesakit dan bomoh yang pernah merawat pesakit tersebut mampu menyenaraikannya kerana perkara tersebut merupakan pengalaman yang pernah dialami oleh mereka. Ini menyebabkan seseorang bomoh atau pawang tahu tentang khasiat bahan-bahan tertentu terhadap sesuatu penyakit yang dialami oleh seseorang itu. Berdasarkan pengalaman inilah, bomoh atau pawang berjaya menyenaraikan nama penyakit dan kemudiannya mengkategorikan penyakit tersebut.

Pengalaman seseorang pengamal perubatan tradisional juga amat penting kerana mereka tahu tentang jenis ramuan yang sesuai untuk mengubati penyakit tertentu. Pengalaman ini membantu mereka menyediakan ramuan yang pelbagai walaupun untuk merawat penyakit yang sama. Dengan erti kata lain, sesuatu penyakit itu mempunyai banyak cara ataupun kaedah rawatan, dan pesakit boleh memilih mana-mana yang sesuai dengan

mereka. Nama-nama penyakit yang dimuatkan dalam kitab ini sese-tengahnya dinamakan dengan bahasa yang halus dan tidak kurang pula dengan bahasa biasa. Bagaimanapun, penggunaan nama penyakit dalam bahasa yang halus agak terhad bilangannya, dan hanya tercatat beberapa penyakit sahaja, misalnya:

- Penyakit raja singa
- Penyakit senggugut bunga
- Penyakit senggugut lintah

Kebanyakan nama penyakit yang dikemukakan dalam kitab ini ialah nama penyakit biasa yang umum sifatnya tanpa penggunaan bahasa halus. Antara nama penyakit yang terdapat dalam kitab ini ialah:

- Penyakit hati
- Penyakit perut
- Penyakit sembelit
- Penyakit senggugut
- Penyakit meroyan
- Penyakit busung
- Penyakit haid
- Penyakit faraj
- Penyakit kencing
- Penyakit lemah zakar
- Penyakit kurang mani

Nama penyakit ini sebahagian besarnya mempunyai subpenyakit lainnya, namun dalam kategori yang sama dengan penyakit utama yang dinyatakan oleh kitab ini. Penyakit kencing, misalnya mempunyai beberapa subpenyakit lain seperti yang ditunjukkan di bawah ini:

### **Penyakit kencing**

- Penyakit sakit kencing
- Penyakit raja singa
- Penyakit kencingkan batu
- Penyakit karang-karangan
- Penyakit kencingkan nanah
- Penyakit kencingkan darah
- Penyakit kencingkan darah dan nanah
- Penyakit karang-karangan dan tidak boleh kencing

Kelapan-lapan nama penyakit ini dihuraikan panjang lebar tetapi tidak ada penggunaan istilah yang khusus tentang penyakit tersebut. Keadaan ini memang berlaku kerana semasa teks ini ditulis, kemodenan bidang perubatan masih belum lagi diterima sepenuhnya oleh masyarakat pada waktu itu. Bagaimanapun, pendeskripsian nama-nama penyakit memang terdapat dalam teks ini dan boleh dibanggakan kerana masyarakat zaman lampau telah terlebih dahulu mengetahui jenis penyakit yang berkaitan dengan diri seseorang itu walaupun tanpa bantuan peralatan perubatan moden.

Berdasarkan contoh nama penyakit yang diberikan, jelas menunjukkan bahawa kitab tib ini sememangnya kitab perubatan kerana banyak kata nama penyakit dan pecahan nama penyakit disenaraikan. Selain nama penyakit, penulis kitab ini sering kali menjelaskan punca terjadinya sesuatu penyakit itu berdasarkan pengalamannya mengubati pesakit yang berjumpa dengannya.

## Penggunaan Kata Kerja

Golongan kata kerja merupakan golongan kata yang paling banyak digunakan dalam kitab ini kerana dalam setiap rawatan, seseorang pesakit itu perlu melakukan pelbagai persediaan. Kerja bermula daripada pengumpulan bahan sehingga ramuan yang tersedia diambil oleh seseorang pesakit. Oleh yang demikian, pelbagai proses yang berlaku itu memerlukan penggunaan kata kerja untuk memastikan setiap proses itu berjaya dilakukan. Penggunaan kata kerja dalam kitab ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu penggunaan kata kerja tanpa imbuhan dan kata kerja berimbuhan.

### 1. Kata Kerja Tanpa Imbuhan

Kata kerja tanpa imbuhan ialah golongan kata kerja yang tidak mempunyai sebarang bentuk imbuhan sama ada awalan, akhiran ataupun apitan. Kata kerja ini hanya terdiri daripada morfem bebas ataupun dasar kata sahaja untuk mendukung maksud tertentu. Dalam kitab ini, banyak kata kerja tanpa imbuhan digunakan dan kata kerja ini mempunyai maksud pasif.

Kata kerja pasif yang digunakan dalam kitab ini kebanyakannya tidak mempunyai sebarang bentuk imbuhan sebagai penanda kata kerja ini.<sup>2</sup> Penggunaan kata kerja tanpa imbuhan berlaku kerana penulisan

---

2 Dalam bahasa Melayu, penanda kata kerja pasif ialah penggunaan awalan *di-*, *ter-* dan kata *kena*. Bagaimanapun, dalam kitab ini hanya sesetengah kata sahaja menggunakan imbuhan ini. Kebanyakan kata kerja ini langsung tidak menggunakan penanda kata kerja.

kitab ini banyak dipengaruhi oleh bahasa lisan. Dalam bahasa lisan, banyak berlaku pengguguran imbuhan terutama imbuhan pada kata kerja, dan penulis yang mewarisi ilmu perubatan daripada generasi sebelumnya akan menulisnya tanpa mementingkan penggunaan imbuhan. Ini menyebabkan imbuhan pasif digugurkan. Antara contoh penggunaan kata kerja pasif tanpa imbuhan dipaparkan dalam ayat yang berikut:

- ... *kunyit dan hempedu landak giling lumat-lumat air bermalam minum tiga pagi.*
- ... *bawang putih sebijinya dan jerangau serawas telunjuk pipis lumat-lumat dan airnya juga ...*
- ... *ambil kulit buah delima bakar maka tumbuk lumat-lumat minum.*
- ... *ambil pucuk aur duri segenggam harat maka bubuh air barang dua cupak maka rebus masak kira-kira tinggal secupak ...*
- ... *akar lalang giling lumat-lumat maka minum afiat.*

Dalam ayat-ayat di atas, kata kerja **giling**, **pipis**, **tumbuk**, **rebus**, **masak** dan **minum** tidak mempunyai imbuhan **di-** sebagai penanda kata kerja pasif. Namun, apabila diteliti ayat-ayat tersebut ternyata bahawa imbuhan pasifnya telah mengalami pengguguran dan apabila dimasukkan imbuhan **di-** akan terhasilah kata kerja **digiling**, **dipipis**, **ditumbuk**, **direbus**, **dimasak** dan **diminum**.

Banyak lagi kata kerja pasif yang imbuhananya mengalami peleburan, misalnya seperti contoh-contoh kata yang berikut:

- asah
- bakar
- basuh
- belah
- cincang
- giling
- hiris
- jemur
- kerat
- kikis
- kukur
- kukus

- layur
- panggang
- rendam
- ramas

## 2. Kata Kerja Berimbuhan

Penggunaan kata kerja berimbuhan dalam teks ini terdiri daripada kata kerja dengan akhiran -kan, awalan ber-, di-, meN-, dan apitan. Akhiran yang paling banyak digunakan ialah akhiran -kan yang mendukung maksud penegasan dan sebagai kata kerja pasif yang telah digugurkan awalan di- pada kata-kata tersebut. Antara kata yang menggunakan imbuhan ini adalah seperti yang berikut:

• tampalkan	→	ditampalkan
• campurkan	→	dicampurkan
• benamkan	→	dibenamkan
• masukkan	→	dimasukkan
• bedakkan	→	dibedakkan
• masakkan	→	dimasakkan
• mersakan	→	dimesrakan
• sapukan	→	disapukan
• embunkan	→	diembunkan
• hapuskan	→	dihapuskan

Sebahagian daripada kata dengan akhiran -kan berfungsi dengan makna melakukan atau mentransitifkan sesuatu perbuatan. Akhiran -kan ini diimbuhkan kepada bentuk dasar kata ataupun dengan kata yang berawalan. Penambahan akhiran -kan tidak membawa makna leksikal yang baharu tetapi semata-mata mentransitifkan kata kerja. Antara kata yang ditemukan penggunaan akhiran ini adalah seperti yang berikut:

- kencingkan
- berakkan
- kuatkan
- mandikan

Awalan ber- dan juga meN- sebagai kata kerja tak transitif dengan pelengkap atau tanpa pelengkap dan meN- sebagai kata kerja transitif juga banyak digunakan dalam kitab ini. Antara kata kerja berawalan yang paling banyak digunakan adalah seperti yang berikut:

### kata kerja transitif

- menambah **mani** (o)
- memakai **dia** (o)
- memakan **ubat** (o)
- merebus **ayam** (o)
- membaca **doa** (o)
- menggiling **ubat** (o)
- mengadap **matahari** (o)
- membuat **majun** (o)

### kata kerja pasif

- disurat
- dimasak
- dimakan
- diberi
- diperbuat
- digiling
- ditumbuk
- direndang
- dipemasak

### kata kerja tak transitif berpelengkap

- bertemu **urat** (p)
- berbunyi **gemuruh** (p)
- bercampur **nanah** (p)
- berbaiki **selera** (p)

### kata kerja tak transitif tanpa pelengkap

- berendam
- bertelur
- bersetubuh
- bermalam
- menyucuk-nyucuk
- mendidih
- berbunga
- berlangir
- mendidih
- membatu

Bentuk apitan kata kerja yang paling banyak digunakan dalam teks ialah apitan di-...-kan dan meN-...-kan. Kedua-dua apitan ini merupakan kata kerja transitif yang terdapat dalam bahasa Melayu. Bentuk apitan lain kurang digunakan berbanding dengan dua apitan ini. Bagaimanapun, apitan di-...-kan bervariasi dengan kata yang berakhiran -kan sahaja. Antara contoh yang terdapat adalah seperti yang berikut:

### **Apitan di-...-kan**

- dituamkan **badan** (o)
- diberutkan **perut** (o)
- direndamkan **timah** (o)
- dimesrakan **daging ayam** (o)
- dibedakkan **ari-ari** (o)
- dicampurkan **sekalian rempah** (o)

### **Apitan meN-...-kan**

- melainkan **angin** (o)
- mengeluarkan **lendir** (o)
- menderaskan **mani** (o)
- menguatkan **zakar** (o)
- mencampurkan **rempah-rempah** (o)
- menghilangkan **penyakit** (o)

Singkatan:   **o**       =       objek  
                  **p**       =       pelengkap

Sesetengah imbuhan kata kerja aktif mengalami peleburan dan hanya kata kerja yang terdiri daripada dasar kata sahaja digunakan. Peleburan ini berlaku kerana pengaruh daripada bahasa lisan yang tidak mementingkan penggunaan imbuhan semasa sesuatu ucapan dan apabila teks ini ditulis semula, penulisnya terbawa-bawa oleh bentuk lisan dalam penulisan mereka. Antara kata kerja yang mengalami pengguguran imbuhanya terdapat dalam ayat yang berikut:

Ubat majan **ambil** minyak sapi secawan jintan hitam secawan ...

### **Nama Sukatan dan Timbangan**

Sebagai laras perubatan bagi masyarakat Melayu tradisional, sudah tentu banyak bahan untuk ramuan digunakan, sama ada daripada fauna ataupun

flora. Setiap bahan yang hendak dijadikan ramuan perlulah mempunyai sukatan ataupun timbangan tertentu dan tidak boleh digunakan secara sembarang. Ini kerana sesetengah bahan boleh digunakan dalam kuantiti yang banyak tetapi sesetengah bahan yang lain pula digunakan dengan kuantiti yang kecil ataupun sedikit. Sekiranya bahan-bahan ramuan digunakan secara sembarang atau tanpa sebarang bentuk sukatan, perbuatan ini akan mendatangkan mudarat kepada pesakit yang menggunakan ramuan tersebut.

Menyedari peri pentingnya sukatan ataupun timbangan tertentu, masyarakat Melayu telah mewujudkan kata-kata sukatan ataupun timbangan yang digunakan untuk menyukat dan menimbang bahan-bahan yang hendak digunakan sebagai ramuan dalam rawatan. Kata-kata sukatan dan timbangan yang digunakan boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kata-kata timbangan yang bersifat tradisional, iaitu berdasarkan ukuran jari tangan dan yang keduanya berdasarkan kata-kata pinjaman daripada bahasa asing seperti bahasa Tamil dan Hokkien.<sup>3</sup>

Dalam masyarakat Melayu tradisional, kata ukuran dan sukatan yang berdasarkan jari dan genggaman tangan digunakan sebagai sukatan untuk benda-benda tertentu. Dalam kitab ini, daun kayu, pucuk kayu, dan benda-benda lain yang boleh digenggam sebagai bahan ramuan akan menggunakan sukatan ini. Kata **segenggam harat** sering digunakan bagi sukatan ini dan meluas penggunaannya dalam kitab ini. Selain itu, jari tangan digunakan untuk menyukat bahan-bahan cecair seperti minyak, madu, air, dan sebagainya yang digunakan sebagai ramuan. Kata-kata sukatan yang berkaitan dengan jari tangan yang sering digunakan ialah, **seruas telunjuk, dua ruas telunjuk, dan setelunjuk**.

Kata-kata sukatan dan timbangan lain yang digunakan banyak dipinjam daripada masyarakat Cina dan India. Ini kerana kedua-dua masyarakat ini telah membawa unit timbangan ini dalam urusan perniagaan mereka di rantau Asia Tenggara. Oleh yang demikian, dalam urusan perniagaan mereka, unit-unit timbangan ini telah digunakan dan kemudiannya diterima pula oleh masyarakat setempat. Kata timbangan seperti di bawah ini banyak digunakan dalam Kitab Tib.

---

3 Menurut Za'ba (1965) masyarakat Cina yang terawal datang ke alam Melayu terdiri daripada orang Cina yang bertutur dalam bahasa Hokkien. Bahasa mereka yang dipinjam oleh bahasa Melayu sehingga kini. Menurut beliau lagi, pengaruh bahasa Hokkein tidaklah sehebat pengaruh bahasa Sanskrit kerana bahasa Hokkien bukanlah bahasa ilmu.

- Tahil
- Kati
- Peha
- Kupang
- Amas
- Busuk
- Mayam
- Cupak
- Gantang

## Penggunaan Wifiq

Dalam bahagian ini akan dihuraikan pula penggunaan wifiq sebagai salah satu daripada ciri penting laras ini. Dalam mana-mana kitab Melayu lama, wifiq ataupun azimat hanya terdapat dalam kitab perubatan Melayu ataupun kitab-kitab yang berkaitan dengan perbomohan ataupun mantera dan jampi.

Dalam kitab tib ini, penggunaan wifiq merupakan salah satu ciri laras ini kerana wifiq yang digunakan adalah untuk menyembuhkan pelbagai penyakit dan setiap wifiq mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Dalam kitab ini, dinayatakan dengan jelas bahawa setiap wifiq yang digunakan adalah bertujuan untuk menghilangkan penyakit ataupun kezuruan yang dideritai oleh seseorang itu. Penulis kitab ini menggunakan wifiq yang berlainan bagi setiap penyakit, dan dalam kes tertentu penyakit yang sama, akan digunakan wifiq yang berlainan pula. Dengan pengertian yang mudah, wifiq yang berlainan boleh digunakan untuk penyakit yang sama.

Wifiq yang digunakan berdasarkan penyakit yang dideritai oleh seseorang itu seperti **penyakit sembelit**, **penyakit tiada mahu berak**, **penyakit busung**, **penyakit lemah zakar** dan **penyakit lelaki yang kekurangan mani**. Setiap wifiq yang digunakan itu akan diberikan penerangan ringkas tentang cara-cara penggunaannya. Antara cara penggunaannya adalah dengan menghapuskan huruf-huruf wifiq yang telah ditulis di dalam mangkuk putih dengan air lalu diminum oleh pesakit. Ada juga wifiq yang perlu ditulis pada batu giling sebelum bahan-bahan ramuan digiling di atas batu tersebut. Antara wifiq yang digunakan dalam kitab ini adalah seperti dalam Lampiran.

## Kata-kata Khusus

Satu lagi aspek yang menarik untuk dibincangkan dalam bahagian kosa

kata ialah aspek penggunaan kata-kata khusus. Kata khusus ataupun dikenali dengan nama istilah umum banyak sekali digunakan dalam kitab ini. Kata-kata ini digunakan kerana khusus memperkatakan pelbagai perkara yang berkaitan dengan proses pengubatan pesakit dalam kalangan masyarakat Melayu. Kata-kata khusus digunakan dalam proses penyediaan ramuan dan cara pengambilan ramuan oleh seseorang pesakit.

Dalam proses penyediaan bahan ramuan, banyak kata khusus digunakan. Setiap kata khusus yang digunakan mempunyai pengertian tertentu dan mudah difahami oleh pesakit kerana sifatnya yang umum. Namun, kata khusus jarang-jarang ditemukan penggunaannya dalam bidang-bidang lain atau dalam laras-laras lain. Antara kata tersebut adalah seperti yang terdapat dalam ayat-ayat yang berikut:

- ... temu giring dan minyak wijan **giling lumat-lumat** dan telan atau minum.
- ... pucuk majakani dan hujung atap sekalian itu **dipipis lumat-lumat** ...
- ... pucuk haru **rendam** dalam cuka maka **rebus** ...
- ... maka kunyit itu **tumbuk perah** ambil airnya campurkan ubat itu ...
- ... jintan hitam **direndang** beri gula batu sama banyaknya ...
- ... akar limau purut **dikikis** bubuh air **masak** dalam periuk ...

Dalam contoh-contoh di atas, kata-kata **giling lumat-lumat**, **dipipis lumat-lumat**, **rendam**, **rebus**, **tumbuk**, **perah**, **direndang**, **dikikis** dan **masak** adalah antara beberapa contoh penggunaan kata-kata khusus sewaktu penyediaan ramuan daripada bahan-bahan yang telah ditetapkan. Kata-kata khusus ini merupakan golongan kata pasif yang berimbuhan dan sebahagian besar daripada imbuhanya telah mengalami peleburan. Kata-kata istilah umum lain yang ditemukan ialah:

- digulai
- dipais
- asah
- dibakar
- dibelah
- dicencang
- dihiris
- embun
- jemur

- kerat
- dikukur
- dilayur
- dipanggang
- rendam
- ramas
- ditarah
- mesrakan<sup>4</sup>

Kata-kata khusus untuk pengambilan bahan ramuan agak kurang sekiranya dibandingkan dengan proses penyediaan bahan-bahan ramuan. Antara kata istilah tersebut adalah seperti yang berikut:

- telan
- sembur
- urut
- ditampal
- dituamkan
- gosok
- berlangir
- bedakkan
- sembur

Kata-kata khusus yang juga digunakan untuk pengambilan pelbagai ramuan yang telah siap diproses. Antara penggunaan kata ini terdapat dalam contoh-contoh yang berikut:

- ... *daun gelenggang dan hempedu landak giling lumat-lumat bedakkan pada perut dibarutkan pada perut yang sakit ...*
- ... *hujung beras mati kunyit air bermalam giling lumat-lumat tampalkan pada sakit itu afiat ...*
- ... *maka makan sirih pinang maka semburkan ke lehernya lalu ke dadanya afiat.*
- ... *maka asah airnya juga sapukan pada ari-ari afiat.*

Contoh-contoh yang diberikan dalam bahagian ini jelas menunjukkan

<sup>4</sup> Dalam teks ini penggunaan kata-kata khusus sering kali digunakan imbuhan di- dan tanpa imbuhan di- sebagai penanda pasif.

bahawa banyak kata khusus digunakan dalam kitab ini. Kata-kata ini bersifat khusus kerana hanya digunakan dalam bidang perubatan Melayu sahaja. Kata-kata ini digunakan untuk menunjukkan penyediaan bahan dan pengambilan ramuan. Dalam penyediaan ramuan, terdapat pelbagai cara yang dikehendaki oleh seseorang bomoh. Oleh itu, banyak kata khusus digunakan berdasarkan proses yang digunakan untuk menyediakan ramuan.

Rumusannya, dalam bahagian aspek kosa kata ini, penggunaan nama-nama bahan perubatan yang berlainan dan rencam merupakan salah satu daripada ciri kosa kata laras ini. Di samping itu, kosa kata nama-nama penyakit, penggunaan kata kerja, nama-nama sukatan dan timbangan, penggunaan kata-kata khusus dan penggunaan wifiq merupakan aspek kosa kata yang paling dominan dalam kitab ini. Aspek-aspek inilah yang membezakan kosa kata teks ini daripada teks yang lain.

## ii. Aspek Ayat

Dalam membincangkan aspek ayat, beberapa perkara penting akan disentuh, iaitu jenis ayat yang banyak digunakan, binaan ayat dan frasa. Ketiga-tiga aspek ini akan dibincangkan serentak memandangkan ketiga-tiganya mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain.

Apabila dianalisis ayat-ayat dalam kitab ini, ternyata bahawa jenis ayat yang paling banyak digunakan ialah ayat majmuk campuran berbanding dengan ayat majmuk yang lain. Ayat majmuk campuran ini mengalami pelbagai proses pembentukannya, iaitu daripada struktur dalaman kepada struktur luaran. Ayat-ayat majmuk yang digunakan dalam teks ini juga dipengaruhi oleh bahasa lisan memandangkan banyak berlaku pengguguran dalam pembentukan ayat. Walaupun pengguguran banyak berlaku, namun mesej yang hendak disampaikan boleh difahami oleh pembaca.

Satu lagi aspek yang perlu diberikan perhatian ialah teks ini asalnya ditulis dalam tulisan jawi. Dalam tulisan jawi yang digunakan, tanda-tanda bacaan seperti koma dan titik tidak diberikan perhatian. Oleh yang demikian, tanda bacaan seperti tanda titik dapat dikenal pasti dengan penggunaan kata **maka**.<sup>5</sup> Dalam bahasa klasik, kata **maka**

<sup>5</sup> Kata maka juga berfungsi sebagai kata penghubung dalam teks ini. Dalam sesetengah kes, kata maka tidak digunakan dan kata-kata lain digunakan untuk membezakan ayat yang berlainan.

merupakan penanda permulaan ayat yang biasa digunakan dan sebagai tanda titik dalam ayat.

Antara contoh penggunaan ayat majmuk dalam kitab adalah seperti yang berikut:

- *Bab ini ubat meroyan ambil kunyit ibunya beratnya tiga tahil dan jintan hitam berat sepeha dan kasturi berat dua amas pipis lumat-lumat bahagi tiga minum tiga pagi air bermalam.*
- *Ubat karang-karangan ambil santan serawas telunjuk bubuh garam jantan tujuh buku minum tiga pagi.*
- *Bab ini orang kurang mani ambil cengkih giling lumat-lumat minum dengan air susu .*
- *Ubat jajam hangat ambil kunyit setengah cupak dan kanji setengah cupak dan daun mamba tengah cupak dan daun limau kapas tengah cupak giling sekalian lumat-lumat .*
- *Bab ini ubat mata dibacakan pada muka kemenyan itu diasah dengan air mawar maka baru dibacakan doa ini.*


Contoh-contoh ayat di atas menunjukkan pelbagai proses yang berlaku dalam pembentukan ayat-ayat tersebut. Hanya ayat pertama sahaja yang akan dibincangkan kerana kebanyakan proses yang berlaku dalam setiap ayat hampir sama sahaja dengan ayat-ayat yang lain. Dalam ayat pertama, ayat majmuk yang terbentuk terdiri daripada beberapa ayat tunggal. Ayat-ayat tunggal yang membina ayat majmuk ini adalah seperti ayat-ayat yang berikut:

- a. Bab ini ubat meroyan.
- b. Anda ambil kunyit ibu.
- c. Kunyit ibu beratnya tiga tahil.
- d. Anda ambil jintan hitam.
- e. Jintan hitam beratnya sepeha.
- f. Anda ambil kasturi.
- g. Kasturi beratnya dua amas.
- h. Bahan-bahan itu dipipis lumat-lumat.
- i. Ramuan itu dibahagi tiga.
- j. Ramuan itu diminum tiga pagi dengan air bermalam.

Ayat majmuk ini terbina daripada sepuluh ayat tunggal seperti ayat-ayat di atas. Apabila diamati ayat-ayat ini, banyak proses peleburan telah berlaku. Ayat *b*, *d* dan *f* mempunyai subjek ayat **anda**. Subjek ayat ini akan mengalami peleburan kerana subjek ini tidak khusus kepada seseorang tetapi bersifat umum. Kata **anda** digunakan di dalam ayat ini kerana tanpa kata ini, ayat-ayat yang terbentuk akan tergantung. Anda digunakan kerana merujuk pelaku atau orang yang terlibat dan menggunakan kaedah rawatan dalam kitab ini. Bagaimanapun, apabila terbentuk ayat-ayat majmuk, kata nama subjek ini digugurkan dan tidak dimasukkan. Penulis teks hanya meletakkan bahagian-bahagian predikat sahaja.

Ketiga-tiga ayat ini mempunyai predikat yang sama, iaitu **ambil**. Sekiranya diteliti, ketiga-tiga ayat ini mempunyai objek ayat yang berlainan antara satu sama lain. Dalam ayat *b* objeknya ialah **kunyit ibu**, ayat *d* **jintan hitam** manakala ayat *f* objeknya ialah **kasturi**. Ketiga-tiga objek ini pula mempunyai berat timbangan yang dikhuluskan setiap satunya. Oleh itu, dalam ayat *c*, *e* dan *g*, berat objek yang hendak digunakan telah dinyatakan oleh penulis. Ayat-ayat ini merupakan ayat tunggal yang mempunyai kaitan dengan ayat *b*, *d* dan *f*. Oleh itu, ayat *b* dan *c*, *d* dan *e*, dan *f* dan *g* mempunyai hubungan yang erat. Ayat-ayat *b*, *d* dan *f* mempunyai subjek, iaitu **anda** dan predikat, iaitu **ambil** yang sama, dan dalam kitab ini proses pembentukan ayat majmuknya berlainan. Subjek bagi semua ayat digugurkan tetapi predikat ayat *b* dan objek-objek ayat lain dikekalkan kerana ketiga-tiganya tidak sama antara satu sama lain.

Dalam ayat *c*, *e* dan *g*, subjek ketiga-tiga ayat sama dengan objek ayat *b*, *d* dan *f*. Dengan ini, objek ayat ataupun subjek ayat akan mengalami peleburan dan yang tinggal hanyalah predikat ayat-ayat tersebut. Proses peleburan bahagian-bahagian ayat ini dipermudah seperti yang di bawah ini:



(d1) Anda ambil jintan hitam. + Jintan hitam beratnya sepeha  
 $\downarrow \quad \downarrow \quad \downarrow \quad \downarrow \quad \downarrow$   
 $\Phi \quad \Phi \quad \downarrow \quad \Phi \quad \downarrow$   
 $\downarrow \quad \quad \quad \quad \quad \downarrow$   
jintan hitam + beratnya sepeha  
 $\downarrow \quad \quad \quad \downarrow$   
(d2) **jintan hitam beratnya sepeha**

(f1) Anda ambil kasturi. + Kasturi beratnya dua amas.

↓	↓	↓	↓	↓
Φ	Φ	↓	Φ	↓
Kasturi			beratnya dua emas	
↓			↓	

(f2) **kasturi beratnya dua amas**

<b>singkatan:</b>	<b>Φ</b>	=	<b>pengguguran</b>
	<b>(s)</b>	=	<b>subjek</b>
	<b>(p)</b>	=	<b>predikat</b>
	<b>(o)</b>	=	<b>objek</b>
	<b>+</b>	=	<b>bercantum dengan</b>

Ayat-ayat (b2), (d2) dan (f2) yang telah mengalami peleburan ini kemudian bercantum untuk membentuk ayat seperti yang berikut:

(k) Ambil kunyit ibu berat tiga tahir, jintan hitam berat sepaha dan kasturi berat dua amas.

Ayat ini kemudian bercantum dengan ayat *a* yang terdahulu lalu membentuk ayat seperti yang di bawah ini:

(k1) Bab ini ubat tentang meroyan, ambil kunyit ibu berat tiga tahil, jintan hitam dan kasturi berat dua amas.

Dalam ayat *h*, *i* dan *j* pula subjek ayat *i* sama dengan ayat *j*, iaitu **bahan-bahan** itu. Subjek ayat ini tidak dinyatakan dalam ayat yang berbentuk struktur permukaan kerana subjek ayat ini telah mengalami peleburan. Subjek ayat *h* pula berlainan dengan kedua-dua subjek ayat *i* dan *j*. Bagaimanapun, ketiga-tiga subjek dalam ayat-ayat ini mengalami peleburan dan yang tinggal hanyalah predikat-predikat ayat sahaja. Ini berlaku kerana dalam kitab ini, kata **bahan-bahan** dan **ramuan** tidak dinyatakan langsung. Tetapi sebagai pembaca kita sedia maklum bahawa subjek bagi ayat-ayat

tersebut adalah seperti yang dinyatakan dalam ayat-ayat tunggal tersebut. Proses pengguguran yang berlaku adalah seperti yang ditunjukkan di bawah ini:

- (h) Bahan-bahan itu dipipis lumat-lumat.  
↓                    ↓  
(h1)      Φ         **dipipis lumat-lumat.**
- (i)    Ramuan itu dibahagi tiga.  
↓                    ↓  
(i1)      Φ         **dibahagi tiga.**
- (j)    Ramuan itu diminum tiga pagi dengan air bermalam.  
↓                    ↓  
(j1)      Φ         **diminum tiga pagi dengan air bermalam.**

Predikat ayat-ayat (h1), (i1) dan (j1) ini kemudiannya bercantum lalu membentuk ayat yang berikut:

- (k2) **Dipipis lumat-lumat, dibahagi tiga, diminum tiga pagi dengan air bermalam.<sup>6</sup>**

Ayat (k1) dan (k2) kemudiannya bercantum lalu membentuk ayat majmuk campuran seperti ayat yang berikut:

- (k3) **Bab ini ubat meroyan, ambil kunyit ibu beratnya tiga tahil dan jintan hitam berat sepha dan kasturi berat dua amas, pipis lumat-lumat bahagi tiga minum tiga pagi air bermalam.**

Ayat (k3) inilah yang terhasil sebagai struktur permukaan dalam teks manakala proses-proses lain yang telah dijelaskan merupakan proses dalaman yang berlaku. Proses dalaman melibatkan pengguguran subjek ayat, objek, kata hubung dan bahagian-bahagian lain ayat. Oleh itu, dalam proses pembentukan ayat majmuk dalam kitab ini amat rencam dan pelbagai proses boleh berlaku. Kebanyakan kes yang berlaku melibatkan pengguguran, peluasan dan penyusunan semula. Perkara yang sama juga berlaku kepada ayat-ayat lain yang terdapat dalam kitab ini.

Rumusannya, dalam kitab ini ayat majmuk paling dominan dan mendominasikan penggunaan ayat-ayat dalam kitab ini. Ini merupakan

<sup>6</sup> Dengan air bermalam merupakan unsur keterangan bagi ayat (j).

suatu keseragaman dan sebagai suatu gaya yang tersendiri dalam penggunaan ayat. Ayat-ayat yang digunakan merupakan ayat perintah yang menghendaki pembaca melakukan itu dan ini dan inilah yang menyebabkan banyak berlakunya proses peleburan bahagian-bahagian ayat dalam kitab ini. Ciri ini merupakan ciri utama ayat dalam kitab ini yang berbeza daripada teks-teks lain.

### iii. Aspek Ketenunan

Ciri yang ketiga dalam ciri-ciri linguistik sesuatu laras ialah ketenunan teks yang dianalisis. Dalam hal ini, aspek ketenunan ialah keutuhan sesuatu teks sebagai sebuah laras. Ketenunan saling berkaitan dengan unsur-unsur tertentu yang digunakan dalam laras sebagai suatu kesatuan yang utuh ataupun sebaliknya. Keutuhan berkait rapat dengan laras itu sendiri kerana sesetengah teks menggunakan pelbagai cara untuk menggambarkan keutuhan seperti perulangan, keratan rentas, penghubung cerita atau bentuk lain sebagai ketenunan teks yang dipersembahkan itu. Unsur ketenunan sesuatu teks hanya dapat dilihat apabila keseluruhan teks dibaca kerana unsur ini hanya terjelma setelah tindakan tersebut dilakukan.

Analisis yang dilakukan terhadap teks ini menunjukkan bahawa unsur ketenunan yang terdapat dalam teks ini memang menarik. Keutuhan teks ini tergambar dari aspek yang berikut:

- Unsur perulangan
- Tautan ayat

### Unsur Perulangan

Unsur perulangan boleh dipecahkan kepada beberapa bentuk perulangan, iaitu perulangan leksikal dan perulangan rujukan penentu. Dalam perulangan leksikal, kata-kata yang sama diulang berkali-kali hampir dalam setiap ayat. Kata-kata yang diulang ini merupakan kata penting yang perlu ada dalam ayat untuk menyokong maksud yang hendak digambarkan ataupun dijelaskan. Dalam teks ini, kata yang menjadi perulangan leksikal ialah kata **ambil, berat dan seruas telunjuk**. Ketiga-tiga kata ini amat kerap digunakan untuk menunjukkan maksud yang berlainan. Oleh yang demikian, unsur perulangannya perlu memandangkan perulangan mempunyai maksud dan tujuan yang tertentu.

Kata **ambil** digunakan dan diulang dalam setiap ayat untuk menunjukkan arahan kepada pesakit supaya menyediakan atau membuat persediaan

pelbagai bahan ramuan yang diperlukan. Oleh itu, penggunaan kata ini secara berulangan wajar kerana makna kata tersebut ialah perbuatan yang perlu dilakukan oleh pesakit. Penulis kitab ini hanya mengarahkan pesakit untuk mengambil itu dan ini seperti yang dikehendaknya. Oleh yang demikian, perulangan kata ini penting sebagai suatu arahan dan penegasan daripada bomoh ataupun pawang.

Kata **seruas telunjuk** dan kata **berat** juga mempunyai kekerapan perulangan yang tinggi kerana kedua-dua kata ini berkaitan dengan ukuran dan sukatan bahan-bahan yang digunakan sebagai ramuan rawatan penyakit. Kata seruas telunjuk digunakan pada bahan-bahan yang cair manakala kata berat merujuk bahan-bahan yang ditimbang dengan menggunakan unit timbangan tahir, kati, amas, peha, kupang cupak, gantang, dan sebagainya. Unit-unit ini tidak menggunakan sukatan seruas telunjuk sebagai unit timbangan kerana sifat bahan-bahan yang menggunakan unit ini berlainan sama sekali dengan bahan-bahan berbentuk cecair. Oleh itu, kata berat perlu diulang berkali-kali untuk menunjukkan kuantiti yang kecil ataupun besar yang diperlukan sebagai ramuan. Perulangan ini juga penting sebagai bentuk penegasan tentang kuantiti bahan-bahan yang dititikberatkan oleh penulis teks ini.

Perulangan rujukan penentu pula ialah kata-kata yang diulang dalam bentuk yang berlainan tetapi merujuk perkara yang telah diperkatakan terlebih dahulu. Tujuan perulangan jenis ini adalah semacam suatu bentuk rumusan terhadap perkara yang telah diperkatakan. Perulangan rujukan penentu ini banyak digunakan tetapi sebahagian besarnya digugurkan. Sesetengah daripada kata yang digunakan adalah seperti kata **sekalian**. Kata-kata ini digunakan untuk menggantikan nama-nama bahan yang telah dimaklumkan terlebih dahulu, contohnya:

- ... ambil **kulit manggis** dan **kulit jantungan** dan **kulit embacang** dan **kulit kedondong** dan **kulit angsan**a banyak-banyak dan **akar saka** dan **akar bawang merah** dan **akar sudu-sudu** kikis kulitnya dan **akar bunga susun kelapa** dan **pucuk majakani** dan **jintan putih** dan **halba** banyak-banyak dan **cengkikh**, **pala** dan **adas** dan **jumuju** dan **ibu kunyit** dan **bawang putih**. Sekalian itu diserbk digiling lumat-lumat ...
- ... ambil **jumuju** dan **buah pala** dan **jintan hitam** dan **cengkikh** dan **pucuk majakani** dan **hujung atap**. Sekalian itu serba sedikit giling lumat-lumat ...

- ... ambil **bawang putih** berat seamas dan **lempoyang pahit** dan **jabi jawa** dan **santi** dan **halia padi** sekalian itu sama beratnya ...

Dalam contoh-contoh di atas, kata yang berhuruf miring ialah kata perulangan rujukan penentu dan kata-kata yang berhuruf miring serta gelap ialah kata-kata yang dirujuk dan telah digantikan dengan kata **sekalian**. Dalam contoh yang pertama, kata sekalian ialah bentuk perulangan dan penggantian bagi kata-kata kulit manggis, kulit jantungan, kulit embacang, kulit kedondong, kulit angsana, akar saka, akar bawang merah, akar sudu-sudu, akar bunga susun kelapa, pucuk majakani, jintan putih, halba, cengkikh, pala, adas, jumuju, ibu kunyit dan bawang putih. Kata sekalian telah menggantikan lapan belas bahan yang tidak perlu diulang tetapi diulang dalam bentuk perulangan rujukan. Kata sekalian ialah rujukan bagi bahan-bahan yang telah dinyatakan di atas.

### Tautan Ayat

Tautan ayat ialah aspek ketenunan pada unit ayat yang berbeza. Perulangan boleh berlaku kepada unit ayat yang berderetan dan sesetengahnya pula berlaku secara tidak menentu. Sesetengah daripada kata diulang dalam ayat yang sama beberapa kali, misalnya:

- Ubat perempuan tiada keluar haid ambil kunyit ...
- Ubat perempuan tiada haid ambil cendana ...
- Ubat perempuan tiada haid ambil majakani ...
- Ubat perempuan tiada haid ...
- Ubat perempuan tiada sakit ambil cendana ...
- Ubat perempuan tiada haid ambil daun kesambukan ...

Keenam-enam ayat di atas ialah ayat-ayat yang mempunyai perulangan struktur kata tetapi dalam ayat yang berlainan. Setiap kata ubat perempuan tiada haid diulang beberapa kali tetapi dalam ayat yang berlainan. Jenis perulangan ini bertujuan untuk menyatakan bahawa penyakit yang sama tetapi bahan ramuan yang berlainan digunakan.

### (iv) Aspek Keindahan

Dalam aspek keindahan, teks ini tidak menggambarkan nilai-nilai keindahan yang dapat dibincangkan. Ini kerana teks ini merupakan teks yang berbentuk

prosa dan lebih bersifat huraian. Oleh yang demikian, tidak terdapat bentuk-bentuk keindahan yang boleh dicungkil dan dibincangkan.

## KESIMPULAN

Berdasarkan huraian dan penjelasan yang dibuat, jelas menunjukkan bahawa kitab perubatan Melayu atau kitab tib merupakan laras perubatan masyarakat Melayu tradisional yang tersendiri. Ciri-ciri keperihalan dan ciri-ciri linguistik yang telah dipaparkan dalam bab ini menjelaskan sifat dan ciri laras ini. Aspek kosa kata laras ini kaya dengan pelbagai istilah umum atau kata-kata khusus serta nama-nama bahan dan penyakit tertentu. Ciri yang dinyatakan ini merupakan ciri utama kosa kata laras ini yang telah wujud sejak ratusan tahun yang lalu.


## RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim, "Kitab Tib Pontianak: Jenis-jenis Penyakit dan Bahan-bahan yang Digunakan untuk Perubatan" dlm. *Filologi Melayu*, Jilid 8, 2000. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 1988. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1984. *Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fishman, J.A. (ed.), 1968. *The Sociology of Language*. Mouton.
- Firth, J.R., 1957. *Papers in Linguistic 1934–1951*. London: Oxford University Press.
- Gregory, M., "Aspect of Varieties Differentiation" dlm. *Journal of Linguistics*. 3:2, hlm.177–197, 1967.
- Halliday, M.A.K. et al., 1964. "The Users and Uses of Language" dlm. *Linguistics Sciences and Language Teaching*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Halliday, M.A.K., 1968. "The Users and Uses of Language", dlm. Fishman (ed.), *The Sociology of Language*. The Hague: Mouton.
- Halliday, M.A.K., 1977. Language as a Social Semiotic: Towards a General Sociolinguistics Theory" dlm. *Linguistics at the Crossroads*. Liviana Editrice.
- Kitab Tib (MSS489). Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.
- Kitab Tib (MSS 229). Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.
- Malinowsky, B., 1923. "The Problem of Meaning in Primitive Languages" dlm. *The Meaning of Meaning*. London: Kegan Paul.
- Nik Safiah Karim, 1989. *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Nik Safiah Karim et al., 1995. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.


- Ure, J. dan Ellis, J., 1977. "Register in Descriptive and Linguistics Sociology" dlm. *Issues in Sociolinguistics*. Mouton.
- Wallace, W.D., 1981. "Registers Register Towards the Analysis of Language Use" dlm. *International Review of Applied Linguistic in Language Teaching*, Vol. xix.
- Whiteley, W.H. (ed.), 1981. *Language Use and Social Change: Problems of Multilingualism with Special Reference to Eastern Africa*. London: Oxford University Press.

LAMPIRAN


## AZIMAT ORANG MUNTAH




## AZIMAT PENGASIH PEREMPUAN




## TANGKAL SAWAN




## AZIMAT MEMUDAHKAN ORANG BERANAK



## **TANGKAL SAWAN KANAK-KANAK**



## AZIMAT PENCURI



## AZIMAT PEREMPUAN BUNTING



## AZIMAT MENGELOAKKAN BARANG DICURI

